

iWarner: Sistem Terbaru Amaran Banjir

0

SHARES



Oleh Asmahanim Amir

Foto Pusat Komunikasi Korporat

BANGI, 25 Nov 2017 – *Intelligent Weather Station and Flood Warning System* (iWarner) yang dibangunkan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman adalah sistem pintar untuk memberi amaran jika berlakunya banjir di satu-satu kawasan.

Prof Dr Mohd Ekhwan berkata sistem itu telah dibangunkan pada tahun 2015 selepas mendapat geran *top down* daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi penyediaan kertas mengenai banjir besar tahun 2014 yang berlaku di Kuala Krai, Kelantan.

“Daripada geran tersebut, kita mendapat kerjasama daripada industri dan juga *stakeholders* yang melibatkan *National Disaster Agency Malaysia* (NADMA), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

“Geran ini melihat kepada dua aspek iaitu penyediaan sistem kawalan bencana khususnya banjir dan sistem amaran terhadap bencana,” jelasnya.

Beliau berkata sistem iWarner itu timbul hasil daripada masalah banjir yang sentiasa berlaku di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Gong Badak selama hampir 35 tahun.

“Jadi, iWarner ini dibuat seiring dengan reka bentuk kolam tadahan banjir yang saya buat pada tahun 2014 yang berupaya menguruskan lebihan air banjir terutamanya di kawasan Kuala Nerus,” ujarinya.

Katanya iWarner telah dibina bersama kumpulan penyelidik daripada UKM khususnya di Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Persekitaran dan pensyarah-pensyarah Fakulti Teknologi Maklumat dan Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, UniSZA.

“iWarner telah pun dipasang di beberapa kawasan terutamanya di kampus UniSZA, sekitar Kuala Nerus dan beberapa kawasan di Tawau, Sabah,” katanya.

Beliau berkata untuk masa hadapan, iWarner akan digabungkan dengan sistem maklumat banjir nasional yang

boleh dicapai melalui sistem yang dibangunkan oleh NADMA dan JPŦ, dan akan melibatkan penambahan dari segi sensor terutamanya sensor seperti kelembapan, luahan air dan kualiti air banjir.

“Sekarang ini kita bergantung kepada dasar kerajaan terutamanya pemegang taruh. Kita berharap sistem ini boleh dipasang di kawasan-kawasan lain yang terdedah dengan banjir dan diberikan penambahbaikan dari segi reka bentuk agar ia lebih *portable*,” katanya.

Pengguna boleh mengakses iWarner melalui telefon pintar masing-masing secara dalam talian melalui laman web iWarner di www.iwarner.robopro.org.

“Ciri utama sistem iWarner adalah ia mampu memberikan maklumat lebih awal kepada penduduk yang terdedah kepada bencana banjir dan memberikan mereka peluang untuk berpindah ke lokasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

“Sistem ini tak mahal dan mempunyai ciri-ciri keselamatan dan juga spesifikasi yang tinggi dalam menghadapi aliran air banjir,” jelasnya.

Katanya, beliau berharap agar pihak pemegang taruh dapat menggunakan sistem itu dan mengambil alih sistem tolok banjir manual kerana ia bukan sahaja boleh digunakan di kawasan bandar, malah juga di kawasan luar

bandar yang mempunyai capaian internet.



Artikel Lain

[Misi Bantuan Banjir: UKM Sumbang RM700 Ribu, Sukarelawan Bantu Mangsa](#)

[65 Pelatih Kor SUKSIS UKM Ditauliah Inspektor Sukarelawan PDRM](#)

[FSSK Bantu Pasangan OKU Mangsa Banjir](#)

[FSSK Hulur Bantuan Banjir di Hulu Semenyih](#)

[Chippie Choc Cookies Biskut Bebas Gula, Tinggi Serat](#)

[Penemuan Penyelidikan Industri Sawit diterbitkan dalam 2 buah Buku](#)

[Tingkatkan Inovasi dan Penggunaan Bioteknologi untuk Capai Negara Berpendapatan Tinggi](#)

[1200 Sukarelawan UKM Turun Padang Bantu Mangsa Banjir](#)

[Bijak Mengurus Masa Jadi Kunci Kejayaan Penerima Anugerah Naib Canselor](#)

[GN Resound Sumbang 14 unit Alat Bantu Pendengaran kepada FSK](#)

[Kerjasama PKWTFH dengan WLF Bakal Lahirkan Lebih Ramai Pemimpin Wanita](#)

[Suami Isteri Genggam PhD Bersama](#)

[Penglihatan Terhad Tidak Halang Naimah Mendapat Anugerah Dekan Setiap Semester](#)

[Restu Ibu Bapa Jadi Pendorong Kejayaan Penerima Anugerah Pelajaran Diraja](#)

[Penerima Anugerah Emas Kedoktoran Gunakan Ruang Masa Berdakwah kepada Golongan OKU](#)

[Ahli Akademik Dituntut Hasilkan Penyelidikan Bernilai Pasaran – Canselor UKM](#)

[7,709 Graduan UKM Terima Ijazah pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-49 Secara Fizikal](#)

[UKM Tingkat Tahap Kebolehpasaran Graduan](#)

[CAKNE Gold Ribbon Ride Tingkat Kesedaran Kanser Kanak-kanak](#)

[Affin Islamic Bank Berhad Sumbang RM10,000 kepada HCTM](#)

Arkib Berita

Pusat Komunikasi Korporat
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi Selangor, MALAYSIA
Tel: +603 8921 4908/ 5540/ 3370
Fak: +603 8921 4097
E-mel: pkk@ukm.edu.my
Bantuan Teknikal: webmaster@ukm.edu.my

Hakcipta © 2022 Universiti Kebangsaan Malaysia

Web ini boleh diakses menggunakan peranti pintar. Paparan terbaik menggunakan pelayar web versi terkini pada resolusi minimum 1024x768.

Untuk penjelasan lanjut boleh dibaca [di sini](#).

v6.7.2